

KARTOGRAFI SEBAGAI WACANA SEJARAH: ANALISIS KOLEKSI PETA LAUT CHINA SELATAN DALAM MUZIUM-MUZIUM VIETNAM

CARTOGRAPHY AS HISTORICAL DISCOURSE: AN ANALYSIS OF SOUTH CHINA SEA MAP COLLECTIONS IN VIETNAMESE MUSEUMS

Amy Azuan Abdullah

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah
Email: amyaz_abd@ums.edu.my

Baszley Bee Basrah Bee

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah
Email: baszley@ums.edu.my

Lai Yew Meng

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah
Email: lyewmeng@ums.edu.my

Corresponding author: *amyaz_abd@ums.edu.my

Dihantar: 2 September 2025/ Diterima: 20 Oktober 2025/ Terbit: 31 Disember 2025

Abstrak

Kajian ini menjelaskan kartografi sebagai wacana sejarah dalam membentuk naratif kedaulatan Vietnam terhadap Kepulauan Paracel (Hoàng Sa) dan Kepulauan Spratly (Trường Sa) melalui koleksi peta yang dipamerkan di muzium maritim Vietnam. Antara objektif yang ingin dicapai melalui makalah ini adalah, menjelaskan tentang sejarah dan koleksi peta tradisional sebagai salah satu asas tuntutan Vietnam ke atas sebahagian fitur-fitur maritim di Laut China Selatan (LCS) melalui institusi permuziuman. Berdasarkan pendekatan kualitatif melalui kajian lapangan di Rumah Pameran (Muzium) Hoàng Sa (Da Nang), Galeri Trường Sa di Memorial Johnson South Reef (Cam Lam), dan Muzium Oceanografi (Nha Trang), kajian ini menilai fungsi peta tradisional, kolonial dan moden sebagai instrumen legitimasi sejarah dan mekanisme kesedaran maritim secara tidak langsung dalam konteks pertikaian di LCS. Dapatan menunjukkan bahawa, peta-peta Dinasti Nguyen, peta kolonial Perancis, peta Belanda abad ke-16, serta peta pentadbiran China digunakan secara tersusun untuk membina naratif perbandingan visual yang menonjolkan konsistensi sejarah Vietnam ke atas LCS. Melalui pameran yang menggabungkan sumber kartografi tempatan dan antarabangsa, muzium-muzium ini bukan sahaja memperkukuh memori kolektif dan patriotisme, tetapi juga berperanan sebagai medium wacana geopolitik yang menyumbang kepada pembentukan persepsi awam mengenai hak kedaulatan Vietnam. Kajian ini mencadangkan bahawa koleksi peta dalam institusi permuziuman perlu dilihat bukan sekadar sebagai artifak sejarah,

tetapi sebagai alat strategik negara dalam mengartikulasikan identiti, legitimasi wilayah dan daya tahan diplomatik dalam landskap geopolitik LCS yang semakin kompleks.

Kata Kunci: Vietnam, Muzium, Laut China Selatan, Peta Tradisional, Sejarah

Pendahuluan

Peta tradisional atau kartografi lama merupakan suatu medium merangkumi aspek pembuatan dan penggunaan peta yang signifikan dalam memahami pengkajian sejarah. Kartografi lama bukan sahaja berperanan sebagai simbol visual tentang bentuk muka bumi, tetapi merupakan sumber ilmu yang menggabungkan aspek pengetahuan, kuasa dan 'ingatan' sejarah. Dalam kajian sejarah maritim, khususnya yang berkaitan dengan Laut China Selatan (LCS), kartografi berperanan penting sebagai bukti material yang membantu memahami cara sesebuah masyarakat mentafsir ruang, memetakan interaksi serantau dan membina naratif identiti kebangsaan. Elemen kartografi semakin mendapat perhatian apabila negara-negara penuntut seperti China, Vietnam dan Filipina menonjolkan sumber sejarah sebagai sebahagian asas legitimasi tuntutan wilayah maritim masing-masing.

Vietnam misalnya antara negara yang aktif memperkukuh kedudukan sumber sejarah mengenai LCS, menginstitusikan peta tradisional atau kartografi lama sebagai sebahagian daripada strategi pemerkasaan naratif kedaulatan Vietnam ke atas LCS. Muzium-muzium yang diwujudkan di kawasan pesisir bukan sahaja berfungsi memelihara artifak maritim, malah memainkan peranan penting dalam menampilkan koleksi peta yang dianggap relevan dengan sejarah maritim Vietnam. Pameran ini lazimnya memuatkan peta moden Vietnam, peta era penjajahan Perancis, serta peta tradisional yang sering dikaitkan dengan Dinasti Nguyen. Melalui koleksi peta-peta ini, sebahagian muzium maritim di Vietnam menonjolkan gambaran bahawa kepulauan seperti Hoàng Sa (Paracel) dan Trường Sa (Spratly) telah wujud dalam lingkungan pengaruh sejarah Vietnam.

Dalam memperkukuh naratif kedaulatan Vietnam ke atas sebahagian kepulauan LCS, beberapa institusi muzium maritim di Vietnam berperanan sebagai medium pendidikan awam. Dengan menggabungkan naratif sejarah, interpretasi ruang dan paparan visual yang teratur, muzium-muzium ini membantu membentuk kesedaran masyarakat khususnya para pengunjung mengenai keluasan serta kepentingan 'ruang' maritim dalam pembinaan identiti negara. Peta tradisional yang dipamerkan memperlihatkan cara masyarakat terdahulu memahami kedudukan mereka dalam jaringan maritim serantau, manakala peta moden menonjolkan evolusi pemikiran geopolitik Vietnam dari era monarki hingga pembentukan negara bangsa kontemporari. Justeru, muzium maritim di Vietnam bukan sahaja dijadikan sebagai pusat pameran, tetapi menjadi instrumen yang memperkukuh legitimasi negara terhadap naratif sejarahnya di LCS. Oleh itu, makalah ini meneliti koleksi peta-peta LCS yang dipamerkan beberapa muzium maritim Vietnam termasuk latar sejarah penghasilannya, bentuk interpretasi yang dikemukakan oleh kurator, serta peranan peta-peta tersebut dalam mengukuhkan naratif tuntutan wilayah maritim Vietnam. Analisis ini memberi gambaran lebih luas tentang peranan kartografi yang digunakan sebagai alat pembinaan wacana sejarah dan diplomasi, serta bagaimana

menyumbang kepada pemahaman kontemporari mengenai persaingan geopolitik di LCS secara tidak langsung.

Sorotan Literatur

Penggunaan peta tradisional sebagai instrumen pembentukan tuntutan wilayah maritim merupakan elemen penting dalam kajian mengenai LCS khususnya dalam konteks persaingan naratif antara China, Vietnam dan Filipina. Penulis seperti Hayton (2019) dan Sasges (2016) menekankan bahawa peta bersejarah sering diberi nilai simbolik untuk mewakili geo-body sesebuah negara, selain berfungsi sebagai sumber legitimasi dalam membentuk pemahaman rakyat mengenai keluasan wilayah daratan dan maritim mereka. Dalam konteks Vietnam, elemen kartografi tidak hanya berperanan sebagai rekod geografi, tetapi turut diinstitusikan sebagai sebahagian strategi kebangsaan dalam menegaskan kedaulatan ke atas dua gugusan yang dipertikaikan, iaitu Hoàng Sa (Paracel) dan Trường Sa (Spratly). Naratif ini diperkukuh melalui penegasan sejarah yang berakar sejak abad ke-17 apabila pemerintah Vietnam, khususnya di bawah era dinasti Nguyen, menubuhkan pasukan ekspedisi Hoàng Sa dan Bắc Hải. Menurut Tran (2024), kedua-dua armada laut ini menjalankan pelbagai fungsi kenegaraan termasuk pelayaran rutin, pemetaan laluan laut, pengutipan hasil laut, dan penyelamatan kapal karam. Semua ini menjadi asas awal kepada prinsip "effective occupation" yang diterima dalam undang-undang antarabangsa.

Dalam karya lain, Tran (2024) memperincikan lagi dokumentasi primer yang menyokong naratif bersejarah tersebut seperti Thiên Nam tứ chí lộ đồ, Phủ biên tạp lục dan peta Đại Nam nhất thống toàn đồ. Peta seperti An Nam Đại Quốc Hòa Đồ (1838) yang diterbitkan Bishop Taberd turut ditekankan sebagai peta Barat yang paling signifikan kerana memaparkan label "Paracel seu Cat Vàng" dengan kedudukan yang hampir konsisten dengan koordinat moden. Naratif sejarah ini juga berkait rapat dengan perkembangan pemetaan semasa era kolonial Perancis. Sasges (2016) menunjukkan bahawa sehingga 1930-an, banyak peta rasmi French Indochina tidak memasukkan Hoàng Sa dan Trường Sa dalam wilayahnya kerana kedua-dua kepulauan itu lebih dianggap sebagai ruang navigasi atau rintangan pelayaran berbanding ruang kedaulatan. Perubahan besar hanya berlaku apabila Institut Oseanografi Indochina (1925–1939) menjalankan beberapa ekspedisi ke LCS dan menghasilkan peta skala besar yang mencakupi Kepulauan Paracel dan Spratly. Hal ini meletakkan asas teknikal kepada pemetaan moden Vietnam selepas kemerdekaan.

Walau bagaimanapun, tempoh pasca tahun 1945 memperlihatkan pemplotan yang tidak konsisten dalam peta wilayah Vietnam. Seperti diujahkan oleh Sasges (2016) dan turut disahkan melalui dapatan kajian lapangan dalam makalah ini, peta popular yang diterbitkan di Saigon pada tahun 1965 misalnya memaparkan Paracels tetapi menghilangkan sebahagian besar Spratly. Lebih membingungkan, pembahagian Vietnam antara tahun 1954 hingga 1975 menyebabkan kerajaan Republik Vietnam di Saigon memadamkan kedua-dua gugusan tersebut daripada peta rasmi negara, sekali gus menimbulkan kekeliruan genealoginya. Konsistensi pemplotan hanya berlaku selepas penyatuan Vietnam pada tahun 1975 apabila kerajaan Sosialis Vietnam mula memperkemas pemetaan dan memulakan usaha berskala besar untuk mengumpul semula peta tradisional serta menyusun semula naratif sejarah kedaulatan. Selepas insiden pelantar minyak Haiyang Shiyu 981 pada

2014, sebuah kempen nasional dilancarkan bagi meningkatkan dokumentasi sejarah termasuk pengumpulan peta (Vietnamese Ministry of Information and Communications, 2014). Lye dan Hop (2018) menyatakan bahawa pameran seperti "Hoàng Sa-Trường Sa của Việt Nam" yang menampilkan hampir 100 peta tradisional, moden, Barat dan China digunakan sebagai medium strategik untuk memupuk patriotisme serta membentuk kesedaran rakyat tentang keluasan wilayah maritim negara mereka.

Selain mengukuhkan naratif sendiri, Vietnam turut membina hujah dengan menolak naratif sejarah China. Tuc (2014) contohnya menilai bahawa hampir semua peta tradisional China, termasuk peta Guangdong abad ke-19, menunjukkan sempadan China hanya berakhir di Pulau Hainan. Ini bercanggah dengan tuntutan moden China melalui nine-dash line yang meliputi 80 hingga 90 peratus wilayah LCS yang dituntut mereka. Strategi ini dikenali sebagai "negation evidence" iaitu usaha membuktikan bahawa pihak lawan tidak mempunyai asas sejarah yang kukuh. Dalam pameran muzium di Da Nang, Nha Trang dan Gạc Ma, banyak peta China dan peta Barat mengenai China dipamerkan untuk menguatkan naratif bahawa China tidak pernah mengurus atau menuntut Hoàng Sa mahupun Trường Sa sebelum abad ke-20.

Di sisi lain, perkembangan undang-undang antarabangsa dan dinamika geopolitik turut mempengaruhi cara Vietnam mempersembahkan bukti kartografinya. Phan (2018) misalnya menjelaskan bahawa Vietnam hanya bersedia mempertimbangkan kerjasama pembangunan bersama (joint development) dengan China jika kedaulatannya dihormati berdasarkan prinsip UNCLOS. Hal ini menonjolkan pendirian perundangan Vietnam dalam menangani pertikaian. Griffin (2013) pula menilai kedudukan Vietnam sebagai sah di sisi undang-undang antarabangsa melalui gabungan faktor sejarah, geografi, dan pentadbiran, dan mendapati bahawa peta-peta tradisional serta rekod pelayaran memainkan peranan penting dalam menunjukkan kehadiran berterusan Vietnam di kepulauan berkenaan.

Dapatan dan Perbincangan

Vietnam dan Sejarah Pemetaan Ke Atas Laut China Selatan

Peta moden pertama Vietnam yang memasukkan gugusan Kepulauan Paracel dan Spratly di LCS sebagai sebahagian daripada ruang wilayah maritim Vietnam bermula selepas berakhirnya pemerintahan kolonial khususnya menjelang tahun 1945. Sebelumnya, penghasilan peta kewilayahan Vietnam telah bermula selepas penjajahan Perancis dan secara kebetulan berlaku peningkatan survei kelautan dan pelakaran peta secara global selepas tahun 1850. Hasilnya, peta moden pertama Vietnam telah dihasilkan oleh ahli kartografi Perancis berikutan kepentingannya terhadap penguasaan politik dan wilayah pihak kolonial Perancis. Dalam konteks LCS, pemplotan gugusan Kepulauan Paracel dan Spratly pada mulanya belum dinyatakan dalam peta-peta rasmi French Indochina waima menjelang tahun 1930-an. Pemplotan ke atas kedua-dua gugusan kepulauan ini hanya diterbitkan selepas kemerdekaan Vietnam oleh Kerajaan Republik Vietnam (Sasges, 2016).

Namun begitu, selepas kemerdekaan Vietnam, pemplotan kedua-dua gugusan kepulauan di LCS ini masih kabur. Sebuah peta popular yang dihasilkan di Saigon pada tahun 1965 pada mulanya hanya memasukkan gugusan Paracel's dan

memadamkan Amphitrite Group yang kemudiannya di bawah kawalan People's Republic of China (PRC) dan tidak memasukkan hampir keseluruhan Kepulauan Spratly. Keadaan ini semakin mengelirukan khususnya selepas pembahagian Vietnam pada tahun 1954 yang menyaksikan tanggungjawab pentadbiran kedua-dua gugusan kepulauan telah diambil oleh Kerajaan Republik Vietnam yang berpusat di Saigon. Akibatnya, Kerajaan Republik Vietnam ini telah menghapuskan sepenuhnya kedua-dua gugusan kepulauan ini dalam peta wilayah Vietnam pada masa tersebut. Kepulauan Paracel dan Spratly hanya dimasukkan semula sebagai sebahagian wilayah negara Vietnam selepas penyatuan Vietnam pada tahun 1975 melalui kerajaan Sosialis Vietnam pada hari ini. Justeru, sejarah pemetaan yang kompleks dan tidak konsisten ini mengakibatkan kekeliruan, berlaku percanggahan sekali gus menyukarkan usaha mengenal pasti asal usul peta wilayah moden Vietnam dan memberi kesan ke atas kompleksiti ke atas pemetaan LCS (Sasges, 2016).

Genealogi peta moden Vietnam pada hari ini hanya mampu dijejaki berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Indochinese Institute of Oceanography antara tahun 1925-1939. Penyelidik institut tersebut menjalankan survei ekstensif ke LCS melalui lapan misi dan ekspedisi ke Kepulauan Paracel dan Spratly dan telah menghasilkan empat buah peta skala besar; sebuah peta mewakili Indochina's fishing banks, dua peta mengenai kontur pelantar benua dan maritimnya dan akhir sekali peta pelayaran mereka ke atas kedua-dua kepulauan antara tahun 1925 dan tahun 1929. Berikutan peristiwa Mei-Julai 2014, Perdana Menteri Vietnam Nguyen Tan Dung mengeluarkan arahan untuk "meningkatkan pengumpulan, penilaian, penerbitan dan penggunaan dokumen, peta dan penerbitan yang berkaitan dengan kedaulatan maritim dan pulau Vietnam" (Vietnamese Ministry of Information and Communications 2014). Hasilnya, sebuah pameran bertajuk "Hoang Sa and Truong Sa Vietnam" telah dilakukan pada Disember 2014 bertempat di Phu Quoc untuk memaparkan bahan, dokumen, pameran, penerbitan dan hampir 100 peta yang disumbangkan oleh para sarjana tempatan dan antarabangsa mengenai bukti Sejarah dan undang-undang Vietnam ke atas kedua-dua gugusan kepulauan di LCS (Vietnamese Ministry of Information and Communications 2014). Salah satu tumpuan pada pameran tersebut adalah penghasilan semula Map 106 dari Philippe Vandermaelen's 1827 Atlas universal yang melabelkan "Cochinchina" (merujuk kepada pusat dan Selatan Vietnam hari ini) yang menunjukkan bahawa garis Pantai Vietnam adalah merangkumi kawasan bertanda "Paracels". Peta ini berdasarkan kenyataan rasmi kerajaan Vietnam merupakan dokumen terpenting bukan sahaja kepada para sarjana dan penyelidik tetapi juga sebagai "legal proof" kedaulatan Vietnam ke atas Kepulauan Paracel dan Spratly (Vietnamese Ministry of Information and Communications 2014).

Walau bagaimanapun, pendirian rasmi Kerajaan Vietnam mengenai kawasan LCS ini mempunyai beberapa permasalahan. Pertama, Kepulauan Spratly tidak dimasukkan dalam mana-mana peta rasmi Vietnam. Kedua, "Cochinchina" digunakan hanya sebagai tajuk peta tertentu dalam satu siri dan tidak memberikan justifikasi sepenuhnya kedaulatan ke atas kawasan yang dinyatakan, hanya kawasan garis pantai Cochinchina digariskan dan diwarnakan. Sebagai contoh, dalam Map 110 Vol. 2, Poulo Condor (Con Son) diwarnakan dengan label hijau yang menandakan kedaulatan Vietnam ke atasnya. Sebaliknya, Paracels hanya dilabelkan berwarna hitam putih, bermaksud tidak dituntut oleh mana-mana Kerajaan. Sementara itu, di bahagian selatan, pulau-pulau di luar pantai Vietnam, bersama-sama dengan kawasan lain yang kini dikenali sebagai selatan Vietnam, diwakili sebagai sebahagian

daripada kerajaan Kemboja (Map 110. Vol 2). Jika dianalisa secara keseluruhan, peta atlas tersebut mungkin lebih menyokong tuntutan Kemboja ke atas seluruh wilayah Mekong berbanding mengukuhkan penegasan kedaulatan Vietnam ke atas Kepulauan Paracel dan Spratly.

Koleksi Peta Laut China Selatan (LCS) Dalam Pameran Muzium-Muzium Vietnam

Pemaparan peta berkaitan LCS di muzium-muzium Vietnam merupakan komponen penting dalam usaha negara itu membina naratif sejarah dan kedaulatan maritimnya. Tiga institusi utama dikenal pasti memainkan peranan signifikan dalam mempamerkan bahan kartografi tersebut. Pertama, Rumah Pameran Hoàng Sa di Da Nang berfungsi sebagai pusat dokumentasi rasmi yang mempamerkan pelbagai peta tradisional, peta Perancis era kolonial, serta peta moden yang menggariskan tuntutan Vietnam ke atas Kepulauan Hoàng Sa. Pameran di sini menekankan kesinambungan sejarah dan pentadbiran Vietnam terhadap wilayah tersebut. Kedua, Galeri Trường Sa di Memorial Tentera Johnson South Reef, Cam Lam, memaparkan koleksi peta yang berkait rapat dengan pengorbanan tentera laut Vietnam dalam mempertahankan kepulauan Trường Sa. Peta yang dipamerkan bukan sahaja berfungsi sebagai sumber rujukan sejarah, tetapi turut menjadi simbol kepentingan strategik dan patriotik wilayah tersebut dalam konteks hubungan Vietnam-China. Ketiga, Muzium Oceanografi di Nha Trang turut menampilkan peta-peta LCS dalam seksyen "Con Nguoi & Bien Ca" bagi menggambarkan evolusi pemetaan laut, pola pelayaran, dan hubungan masyarakat Vietnam dengan ruang maritim sejak berabad lamanya.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga muzium ini menggunakan peta bukan hanya sebagai bahan sejarah, tetapi sebagai medium visual untuk mengukuhkan ingatan kolektif rakyat mengenai hak kedaulatan Vietnam di LCS. Melalui pameran terancang yang menghubungkan unsur kartografi, sejarah kolonial, aspek ketenteraan dan representasi budaya maritim, peta-peta tersebut menjadi instrumen strategik dalam menyampaikan naratif negara berhubung Hoàng Sa dan Trường Sa kepada pengunjung domestik dan antarabangsa.

Rumah Pameran (Muzium) Nha Trung Bay, Hoang Sa, Da Nang

Koleksi peta yang dipamerkan di Rumah Pameran Nha Trung Bay Hoang Sa, Da Nang, memberikan gambaran jelas mengenai usaha sistematik kerajaan Vietnam dalam membina naratif kedaulatan berasaskan kartografi. Peta modennya, seperti peta bertanda Cộng Hòa Xã Hội Chủ Nghĩa Việt Nam (Republik Sosialis Vietnam) (Lihat Rajah 1), memaparkan keseluruhan daratan Vietnam termasuk gugusan Hoàng Sa (Paracel) dan Trường Sa (Spratly) dalam skala yang terperinci. Penekanan dibuat pada wilayah maritim yang luas, sekali gus memberi gambaran bahawa kedua-dua gugusan tersebut telah lama dilihat berada dalam lingkungan ruang geopolitik Vietnam. Peta ini menonjolkan Vietnam sebagai sebuah negara yang memiliki kesinambungan geografi yang utuh dari utara hingga ke selatan, dengan kawasan maritim yang amat luas meliputi Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), pelantar benua, dan gugusan pulau di LCS. Ruang maritim berwarna biru terang digambarkan seolah-olah "menyatu" dengan daratan Vietnam, menghantar mesej visual yang kuat bahawa wilayah tersebut adalah sebahagian daripada geopolitik Vietnam yang tidak boleh dipisahkan. Kedudukan Hoàng Sa dan Trường Sa ditandakan secara jelas dengan

Kartografi Sebagai Wacana Sejarah: Analisis Koleksi Peta Laut China Selatan Dalam Muzium-Muzium Vietnam

simbol pulau kecil berwarna merah, membezakannya daripada ciri geografi lain. Penandaan ini penting kerana ia memperlihatkan bahawa Vietnam memasukkan kedua-dua gugusan itu sebagai wilayah sah negara.

**Rajah 1 : *Cộng Hòa Xã Hội Chủ Nghĩa Việt Nam*
Terjemahan: Republik Sosialis Vietnam**



Sumber : Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

**Rajah 2 : *Bản Đồ Huyện Đảo Hoàng Sa- Thành Phố Đà Nẵng- Việt Nam*
Terjemahan: Peta Daerah Pulau Hoang Sa - Bandar Da Nang
- Vietnam**



Sumber	:	Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023
--------	---	---

Seterusnya, peta daerah Bản Đồ Huyện Đảo Hoàng Sa (Lihat Rajah 2) memberikan fokus khusus kepada Pulau Hoàng Sa sebagai sebahagian pentadbiran Bandar Da Nang. Peta-peta seperti ini berfungsi bukan sahaja sebagai rekod geografi tetapi juga sebagai mekanisme legitimasi yang menunjukkan hubungan pentadbiran Vietnam dengan pulau-pulau berkenaan. Peta ini merupakan contoh jelas bagaimana Vietnam menggunakan pemetaan pentadbiran moden sebagai strategi untuk menegaskan hubungan politik dan birokrasi dengan gugusan pulau tersebut. Dengan memaparkan Hoàng Sa sebagai “huyện” (daerah) yang setaraf dengan daerah-daerah lain di tanah besar, peta ini memberikan gambaran bahawa pulau tersebut bukan sekadar entiti geografik, tetapi merupakan unit pentadbiran yang sah menurut struktur negeri Vietnam. Penjenamaan sedemikian adalah signifikan kerana membentuk naratif bahawa kedaulatan Vietnam ke atas Hoàng Sa bukan sahaja berasaskan sejarah, tetapi juga dimaktubkan dalam sistem pentadbiran kontemporari.

Rajah 3: An Nam Đại Quốc Họa Đồ
Terjemahan: The Map of Great An Nam




Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Selain itu, koleksi peta sejarah yang dipamerkan pula memperlihatkan pelbagai lapisan bukti kartografi yang sering dijadikan asas tuntutan Vietnam. Antaranya termasuk An Nam Đại Quốc Họa Đồ (1838) (Lihat Rajah 3) hasil lakaran Bishop Jean Louis Taberd. Peta ini dilakarkan oleh Bishop Jean Louis Taberd dan diterbitkan pada tahun 1838. Peta ini menggambarkan Kepulauan Paracel di perairan Vietnam dengan anggaran koordinat yang diselaraskan dengan masa kini, dan dengan nota “Paracel seu Cat Yang” (Paracel bermaksud pasir keemasan) (The National Library of France). Tidak kurang signifikan ialah Đại Nam nhất thống toàn đồ (Lihat Rajah 4), peta lengkap era Dinasti Nguyen yang menunjukkan pentadbiran Vietnam pada tahun 1838. Peta ini dilakarkan pada tahun 1838 di bawah pemerintahan Maharaja Minh Menh. Ini adalah peta pentadbiran pertama Dinasti Nguyen dengan perbezaan yang jelas antara Hoàng Sa dan Trường Sa (The National

Kartografi Sebagai Wacana Sejarah: Analisis Koleksi Peta Laut China Selatan Dalam Muzium-Muzium Vietnam

University of Australia's Library). Dalam peta ini, Hoàng Sa dan Trường Sa ditandakan secara jelas sebagai sebahagian struktur pentadbiran, sekali gus membentuk naratif berulang bahawa kerajaan bersejarah Vietnam mempunyai kesinambungan pentadbiran di wilayah tersebut sejak abad ke-19.

Rajah 4: Đại Nam nhất thống toàn đồ Terjemahan: Peta lengkap Dai Nam bersatu



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Rajah 5: The Topographic map of Fu Quang Ngai in Thien ha ban do (world map directory)



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Di samping itu, koleksi peta topografi tradisional seperti The Topographic Map of Fu Quang Ngai in Thien ha ban do (Lihat Rajah 5) yang disusun pada abad ke-18 dan diterbitkan semula pada zaman Dinasti Nguyen memperlihatkan bahawa rujukan kepada fitur maritim, termasuk istilah seperti "Golden Sandbank", telah wujud dalam skrip Nom di wilayah pesisir. Peta seperti ini sering menjadi bukti tambahan bagi menunjukkan kesedaran ruang maritim dalam budaya Vietnam pra-modern. Keseluruhan koleksi ini, apabila diteliti, menggambarkan bahawa peta bukan hanya direka untuk tujuan rekod geografi tetapi turut memainkan peranan ideologikal dalam pembinaan naratif sejarah, identiti nasional, dan hujah geopolitik Vietnam di LCS. Melalui gabungan peta moden, kolonial dan tradisional, muzium ini berupaya menyampaikan satu garis masa yang konsisten bahawa Vietnam seolah-olah mempunyai hubungan sejarah, pentadbiran dan simbolik dengan Hoàng Sa dan Trường Sa. Pendekatan ini memperkukuh objektif makalah ini, iaitu menilai bagaimana institusi permuziuman digunakan sebagai instrumen negara untuk mengesahkan tuntutan wilayah melalui visualisasi kartografi.

Rajah 6: Seksyen koleksi peta tradisional yang diterbitkan oleh China



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Pada seksyen ini (Lihat Rajah 6), terdapat enam peta purba atau tradisional China dipamerkan dengan dakwaan bahawa semua peta ini menindakkan tuntutan China ke atas Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly. Tajuk peta: Complete map of Guandong (1850), The map of Guandong Province (1875-1908); The Map of Kwang Tung (1906) & The Map of Kwang Tung (1908); The Empire's complete map of all province (1904). Semua peta mengukuhkan dakwaan bahawa sempadan akhir di bahagian Selatan China terbatas hingga ke Pulau Hainan sahaja.

Rajah 7: Seksyen koleksi peta tradisional China yang diterbitkan oleh Barat I



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Seksyen ini (Lihat Rajah 7 & Rajah 8) mempamerkan tentang koleksi peta tradisional China yang diterbitkan oleh Barat yang didakwa mengesahkan bahawa Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly tidak dimiliki oleh China. Empat buah peta tersebut adalah; The Map Qvantung Imperil Sinarum Provincia dihasilkan oleh Jacob Van Meurs pada tahun 1665; The Map L'Empire de la Chine diterbitkan oleh Perancis pada tahun 1751; The Map Partie de la Chine; The Map China diterbitkan oleh Thomson's New General Atlas pada tahun 1815.

Rajah 8: Seksyen koleksi peta tradisional China yang Diterbitkan oleh Barat II



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Antara peta yang dipaparkan pada seksyen ini Adalah; The map China in Tanner's Universal Atlas diterbitkan Henry Tanner pada tahun 1876; The Map China yang diterbitkan oleh George F. Cram (Atlas of the world) tahun 1900; The Map China tahun terbitan tahun 1881; The Map China yang diterbitkan oleh Atlas of Universal Geography (Edward Stanford), London tahun 1892. Peta-peta tradisional yang dihasilkan oleh ahli kartografi Barat sama ada dari Belgium, Belanda, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman, Perancis dan sebagainya menunjukkan bahawa Kepulauan Paracel konsisten dari segi perletakan koordinat dan kedudukan geografinya didakwa sebagai kepunyaan empayar Annam. Tambahan lagi, peta-peta tradisional Barat konsisten menunjukkan bahawa kawasan paling Selatan China terbatas hingga ke Pulau Hainan Sahaja.

Rajah 9: Seksyen koleksi peta Barat mengenai Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly I



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Seksyen ini (Rajah 9 & Rajah 10), memaparkan koleksi peta-peta yang diterbitkan oleh Barat mengenai Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly yang didakwa oleh Vietnam sebagai mengesahkan kedaulatan mereka ke atas kedua-dua gugusan kepulauan tersebut. Peta yang dipamerkan adalah; The Map of Carte des costes de Cochin Chine Tunquin; The Map of Partie de la Cochinchine (1827); Maritime map of the French Indochina (1944); Peta Belanda yang diterbitkan oleh Van Langren (1595). Semua peta ini hanya menunjukkan kewujudan gugusan Kepulauan Paracel dan faktor kedudukan geografi Kepulauan Paracel yang berhampiran dengan Vietnam.

Rajah 10: Seksyen koleksi peta Barat mengenai Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly II



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Gac Ma/Galeri Truong Sa, Memorial Tentera Johnson South Reef, Cam Lam, Khang Koa

Pameran di Galeri Trường Sa, Memorial Tentera Johnson South Reef, memperlihatkan bagaimana Vietnam menggunakan koleksi peta sejarah pelbagai zaman sebagai asas naratif tuntutan kedaulatan terhadap Kepulauan Hoàng Sa (Paracel) dan Trường Sa (Spratly). Panel pameran yang dipaparkan menghimpunkan peta-peta daripada abad ke-16 hingga abad ke-19, termasuk peta Eropah, peta Dinasti Vietnam, serta peta topografi tempatan. Gabungan sumber kartografi ini bukan sahaja menonjolkan sejarah pemetaan rantau Indochina, tetapi berfungsi sebagai bukti visual bahawa kehadiran, pentadbiran dan aktiviti Vietnam di zon maritim tersebut mempunyai akar sejarah yang panjang.

**Rajah 11: Bản Đồ Việt Nam
Terjemahan: Peta Vietnam**



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 29 November 2023

Peta Vietnam yang dipaparkan di Muzium Gac Ma ini menunjukkan wilayah daratan dan maritim Vietnam yang memasukkan dua buah gugusan yakni Kepulauan Paracel (Hoang Sa) dan Kepulauan Spratly (Truong Sa). Peta moden "Bản Đồ Việt Nam" ini (Lihat Rajah 11), merupakan representasi visual yang kuat dalam memaparkan aspirasi geopolitik Vietnam di LCS. Ia meletakkan Hoàng Sa dan Trường Sa bukan hanya sebagai entiti wilayah maritim, tetapi sebagai sebahagian daripada naratif kebangsaan yang tidak terpisah daripada tanah besar Vietnam. Dalam konteks muzium dan pendidikan awam, peta ini memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi masyarakat dan pengunjung khususnya mengenai "ruang nasional" Vietnam, sekali gus berfungsi sebagai salah satu alat utama pembinaan legitimasi sejarah dan politik negara.

Rajah 12: Pelbagai peta tradisional Vietnam mengenai LCS di Muzium Gac Ma



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Pameran dalam muzium ini turut mengandungi The Full Map of Unified Dai Nam (1838) yang dihasilkan pada zaman Raja Minh Mạng. Peta ini amat signifikan kerana mencerminkan usaha pemetaan sistematik oleh kerajaan Dinasti Nguyen, dengan menandakan kawasan pentadbiran daratan, laluan perairan, serta hubungan geografi yang merentasi tanah besar dan wilayah pesisir. Kemunculan peta ini dalam pameran menegaskan bahawa Vietnam memiliki tradisi dokumentasi kartografi tersendiri yang mengiktiraf hubungan geopolitik dengan kawasan maritim di sekitarnya.

Lebih menarik lagi, galeri menampilkan naskhah penting seperti An Nam Đại Quốc Họa Đồ (1838) oleh Bishop Taberd, peta Barat yang sering dijadikan rujukan dalam wacana tuntutan Vietnam. Peta ini memaparkan label "Paracel seu Cat Vàng" sebagai sebahagian daripada wilayah Vietnam, dan sering digambarkan sebagai bukti bahawa kuasa kolonial serta pemetaan Barat ketika itu mengiktiraf hubungan Vietnam dengan gugusan Paracel. Kewujudan peta ini dalam pameran memperkukuh naratif bahawa rujukan kartografi antarabangsa turut mendukung pemahaman sejarah kedaulatan Vietnam. Selain peta berskala luas, galeri turut menampilkan peta-peta topografi tempatan seperti The Map of Quang Ngai's Topography (abad

ke-18) dan The Map of Ban Quốc Địa Đồ (1802–1945). Peta-peta ini menggambarkan kawasan pentadbiran tempatan termasuk laluan sungai, pergunungan, bentuk muka bumi dan lokasi strategik kampung atau daerah. Walaupun bersifat domestik, peta ini menjadi bukti penting bahawa wilayah pesisir Vietnam telah lama direkodkan secara sistematik, dan seterusnya memperkukuh hujah bahawa Vietnam mempunyai tradisi dokumentasi dan pengurusan wilayah yang mantap sebelum era kolonial. Turut dipamerkan adalah peta Dai Nam Toàn Đồ (1802–1945) serta Map 68a dari wilayah Quảng Nam, yang menunjukkan tahap kefahaman geografi Vietnam terhadap wilayah timur negara itu, di mana Hoàng Sa dan Trường Sa sering dirujuk sebagai kawasan pentadbiran laut yang berkaitan dengan negeri-negeri pesisir seperti Quảng Ngãi dan Bình Định.

Secara keseluruhannya, pameran kartografi di Galeri Trường Sa bukan sahaja menonjolkan estetika peta sejarah, tetapi menjadi instrumen retorik politik yang menghubungkan masa lalu dengan keperluan geopolitik masa kini. Dengan memaparkan peta Barat, peta dinasti, dan peta tempatan secara serentak, galeri ini membina naratif berlapis bahawa tuntutan Vietnam di LCS memiliki asas sejarah, pengiktirafan luar, serta kesinambungan pentadbiran. Penempatan koleksi ini dalam Memorial Tentera Johnson South Reef, tapak peringatan peristiwa tragis tahun 1988, menjadikannya lebih bermakna, kerana tekah menyatukan elemen kartografi, memori pertempuran, dan legitimasi kedaulatan dalam satu ruang simbolik yang kuat. Melalui pendekatan visual dan historikal ini, galeri berfungsi sebagai medium pendidikan patriotik dan sebagai mekanisme memperkukuh ingatan kolektif rakyat terhadap tuntutan maritim Vietnam.

Muzium Oceanografi, Nha Trang, Khanh Hoa- Con Nguoi & Bien Ca

Pameran peta di Muzium Oceanografi Nha Trang menunjukkan pendekatan Vietnam yang lebih luas dan berstruktur dalam membina naratif sejarah serta geopolitik mengenai LCS. Tidak seperti galeri yang berfokus kepada aspek ketenteraan atau sejarah pentadbiran tempatan, muzium ini menampilkan koleksi peta daripada pelbagai tamadun dan era sebagai asas bagi hujah perbandingan visual antara Vietnam dan China. Antara peta yang dipamerkan ialah An Nam Đại Quốc Hòa Đồ (1838), Map of All Chinese Provinces, dan Carte des Costes de Cochinchine-Tonkin, masing-masing memainkan fungsi berbeza dalam memperlihatkan hubungan sejarah, geografi dan kewilayahan antara Vietnam, China dan wilayah sekitarnya.

Peta An Nam Đại Quốc Hòa Đồ (1838) (Lihat Rajah 13) yang dipamerkan menggambarkan persempadanan wilayah Vietnam sepanjang era Dinasti Nguyen, termasuk jaringan sungai, kawasan pentadbiran serta laluan pesisir. Walaupun peta ini tidak memaparkan Paracel atau Spratly secara terperinci, ia sering dijadikan rujukan dalam wacana kartografi Vietnam sebagai bukti bahawa negara tersebut mempunyai tradisi pemetaan tersendiri dan struktur pemerintahan yang mengurus wilayah pesisir secara sistematik. Kehadiran peta ini di muzium oceanografi mempamerkan naratif bahawa pemahaman ruang daratan dan pesisir adalah elemen penting dalam pembentukan identiti maritim Vietnam.

Lebih penting lagi, pameran ini turut memaparkan Map of All Chinese Provinces (Lihat Rajah 14), peta yang menampilkan wilayah-wilayah China secara keseluruhan tanpa memasukkan Kepulauan Paracel atau Spratly sebagai sebahagian daripada wilayah tradisional China. Paparan ini memberikan implikasi geopolitik yang

jelas bahawa sumber kartografi China sendiri menunjukkan had sempadan China berhenti di selatan Pulau Hainan. Penempatan peta ini dalam muzium Vietnam menunjukkan strategi naratif negara untuk menonjolkan kelemahan asas sejarah tuntutan China ke atas LCS melalui bukti visual yang datang daripada sumber China sendiri, sekali gus menyokong argumen "negation evidence" yang kerap digunakan oleh sarjana dan pembuat dasar Vietnam. Selain dua peta tersebut, muzium ini juga mempamerkan Carte des Costes de Cochinchine-Tonkin (Lihat Rajah 15), peta kolonial Eropah yang menggambarkan pesisir Vietnam, laluan maritim dan pelabuhan tradisional. Peta ini memberikan perspektif luar yang menunjukkan bagaimana kuasa penjajah Eropah melihat dan mendokumentasikan ruang pesisir Indochina sebelum pembentukan negara moden. Dengan mempamerkan peta kolonial ini, muzium menggabungkan sumber geografi Barat bagi menyokong tafsiran bahawa Vietnam adalah rujukan utama dalam pemetaan rantau tersebut, sementara China muncul dalam konteks geografi yang lebih jauh dan tidak berkaitan langsung dengan kepulauan di LCS. Hal ini menguatkan hujah bahawa pemahaman Barat mengenai Asia Tenggara ketika itu tidak menyokong tuntutan sejarah China terhadap kepulauan tersebut.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga peta Vietnam, China, dan Barat yang dibingkaikan dalam satu naratif perbandingan yang sengaja dirangka untuk menunjukkan konsistensi sejarah Vietnam melalui peta lama berbanding naratif China yang tidak konsisten. Melalui penggunaan bukti kartografi yang berasal dari dalam dan luar negara, Muzium Oceanografi membentuk wacana visual yang kuat, menyatukan aspek sejarah, geografi dan geopolitik. Pameran ini selanjutnya menunjukkan bahawa peta bukan sekadar dokumen teknikal, tetapi alat pendidikan, diplomasi dan legitimasi yang digunakan untuk menyampaikan naratif kedaulatan negara terhadap ruang maritim yang menjadi pertikaian secara tidak langsung kepada para pengunjung.

Rajah 13: An Nam Dai Quoc Hoa Do (1838)




Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Rajah 14: Map of all Chinese Provinces



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

**Rajah 15: The Map of Carte des costes de Cochin Chine Tunquin
Terjemahan: Peta Garis Pantai Cochin China dan Tonkin**



Sumber: Kajian Lapangan Vietnam, 27 November 2023

Analisis Keseluruhan Koleksi Peta Laut China Selatan Bagi Muzium Vietnam

Analisis keseluruhan koleksi peta LCS yang dipamerkan di muzium-muzium Vietnam menunjukkan bahawa negara tersebut mengintegrasikan pelbagai sumber peta atau kartografi tradisional, kolonial, dan antarabangsa bagi membentuk naratif sejarah yang konsisten mengenai kedaulatannya di Hoàng Sa (Paracel) dan Trường Sa (Spratly). Peta-peta yang berasal daripada Dinasti Nguyen, kuasa kolonial Barat, serta rujukan geografi China digunakan secara serentak untuk memberikan gambaran tentang pemahaman ruang maritim Vietnam sejak abad ke-16 hingga kini. Setiap muzium sama ada Galeri Truong Sa, Rumah Pameran Hoang Sa di Da Nang, atau Muzium Oceanografi di Nha Trang memainkan peranan tertentu dalam mempamerkan kesinambungan sejarah, menonjolkan bukti pentadbiran, serta menolak naratif tuntutan negara lain melalui pendekatan perbandingan visual. Koleksi ini berfungsi sebagai bahan dokumentasi sejarah dan sebagai instrumen kesedaran maritim yang memperkukuh memori kolektif, identiti nasional, dan legitimasi geopolitik Vietnam dalam konteks LCS.

Jadual 1: Koleksi Peta Laut China Selatan di Muzium Maritim Vietnam

Bil.	Jenis/Koleksi Peta	Muzium		
		Nha Trung Bay, Hoang Sa, Da Nang	Gac Ma-Memorial Tentera Johnson South Reef, Cam Lam, Khang Koa	Oceanografi, Nha Trang, Khanh Koa- Con Nguoi & Bien Ca
1.	Peta Wilayah Vietnam (Moden)	✓	✓	
2.	<i>An Nam Dai Quoc Hoa Do (1838)</i>	✓	✓	✓
3.	The Full Map of Unified Dai Nam (1838)	✓	✓	
4.	<i>Peta Belanda oleh Van Langren (1595)</i>	✓	✓	
5.	<i>The Map of Carte des costes de Cochin Chine Tunquin</i>	✓		✓
6.	<i>Map of all Chinese Provinces</i>	✓		
7.	<i>The Map Dai Nam toan do (1802-1945)</i>		✓	
8.	<i>Map 68a- Quang Nam Region</i>		✓	

Kartografi Sebagai Wacana Sejarah: Analisis Koleksi Peta Laut China Selatan Dalam Muzium-Muzium Vietnam

9.	<i>The Map of Quang Ngai's Topography (Abad ke-18)</i>		✓	
10.	<i>The Map of Ban Quoc Dia do topography (1802-1945)</i>		✓	
11.	<i>Complete map of Guandong (1850),</i>	✓		
12.	<i>The map of Guandong Province (1875-1908);</i>	✓		
13.	<i>The Map of Kwang Tung (1906) & The Map of Kwang Tung (1908);</i>	✓		
14.	<i>The Empire's complete map of all province (1904).</i>	✓		✓
15.	<i>The Map Qvantung Imperil Sinarum Provincia (1665)</i>	✓		
16.	<i>The Map Partie de la Chine</i>	✓		
17.	<i>The Map L'Empire de la Chine (1751)</i>	✓		
18.	<i>The Map China (1815)</i>	✓		
19.	<i>The map China in Tanner's Universal Atlas (1876)</i>	✓		
20.	<i>The Map China (Atlas of The World) (1900)</i>	✓		
21.	<i>The Map China (1881)</i>	✓		
22.	<i>The Map China (1892).</i>	✓		
23.	<i>The Map of Partie de la Cochinchine</i>	✓		

	(1827)			
24.	<i>Maritime map of the French Indochina (1944)</i>	✓		
25.	<i>The Topographic map of Fu Quang Ngai in Thien ha ban do (world map directory)</i>	✓		

Berdasarkan jadual 1 di atas, terdapat tiga buah muzium yang mempamerkan koleksi peta berkaitan LCS sama ada berdasarkan sumber tempatan Vietnam dan sumber asing seperti China dan Barat. Muzium Hoang Sa di Da Nang mempunyai koleksi peta tertinggi dengan nilai sebanyak 21 buah peta dipamerkan berbanding lapan buah peta di Memorial Tentera Johnson South Reef dan tiga buah peta di Muzium Oceanografi, Nha Trang. Peta An Nam Dai Quoc Hoa Do (1838) merupakan satu-satunya peta yang dipamerkan di ketiga-tiga muzium utama Vietnam yang menyimpan koleksi peta LCS berbanding peta-peta lain. Manakala, peta wilayah Vietnam, The Full Map of Unified Dai Nam (1838) dan Peta Belanda yang dihasilkan oleh Van Langren (1595) dipamerkan oleh dua buah muzium. Peta-peta lain khususnya yang merujuk kepada sumber China dan Barat hanya dipamerkan secara selektif dan tertumpu di Muzium atau 'rumah pameran' Hoang Sa di Da Nang. Kecenderungan kerajaan Vietnam memfokuskan Da Nang sebagai pusat tumpuan utama mengenai LCS mungkin disebabkan oleh faktor geografi kawasan ini yang terletak di pesisir LCS, merupakan antara kawasan industri nelayan-kearifan lokal dan kepesatannya sebagai antara bandar pelancongan pilihan pengunjung dalam dan luar negara.

Koleksi peta-peta mengenai LCS yang dipamerkan di Muzium Hoang Sa, Da Nang dibahagikan kepada beberapa seksyen utama bermula dengan peta wilayah Vietnam yang memasukkan dua gugusan kepulauan iaitu Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly di aras pertama. Pada aras kedua, koleksi peta mengenai LCS memfokuskan kepada pameran berkenaan koleksi peta tradisional Vietnam, China dan Barat yang dibahagikan kepada beberapa seksyen yang menyokong pemilikan Vietnam dan menolak pemilikan China ke atas Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly. Berbeza dengan Memorial Tentera Johnson South Reef dan Muzium Oceanografi, Nha Trang, meskipun tidak banyak mempamerkan koleksi peta, kedua-duanya lebih menonjolkan tentang peranan peta tradisional Vietnam yang dikaitkan dengan pengetahuan mereka ke atas Kepulauan Paracel sejak Dinasti Le (abad ke-18) dan Dinasti Nguyen (abad ke-19).

Koleksi peta yang dipamerkan di ketiga-tiga muzium ini mempunyai objektif yang sama iaitu pertama; Menjelaskan kepada pengunjung (rakyat Vietnam dan pelancong asing) mengenai 'ruang' wilayah daratan dan maritim Vietnam yang merangkumi Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly. Kedua; Menerangkan fakta sejarah mengenai kewujudan gugusan Kepulauan Paracel dalam peta tradisional. Ketiga; Menghalang 'pemilikan' China ke atas Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly. Keempat; Berusaha memperlihatkan kesinambungan dan kelangsungan Vietnam ke atas sejarah LCS khususnya dari abad ke-18 bermula dari pemerintahan Dinasti Le dan Dinasti Nguyen.

Tindakan mempamerkan koleksi peta-peta ini menunjukkan Vietnam merupakan antara negara penuntut yang serius mendokumenkan sumber sejarahnya mengenai LCS. Meskipun tindakan ini boleh mengundang kepada kritikan, strategi ini secara langsung telah memberi kesedaran dan ruang pemupukan patriotisme yang tinggi ke atas rakyat Vietnam mengenai pengetahuan 'ruang' wilayah daratan dan maritim Vietnam. Walau bagaimanapun, analisa ke atas semua koleksi peta-peta ini mendapati bahawa, tidak ada sebuah peta tradisional yang memplotkan Kepulauan Spratly sebagai sebahagian daripada wilayah Vietnam. Kesemua peta-peta ini hanya menunjukkan kewujudan Kepulauan Paracel dan dikaitkan secara literal mengenai kedudukan geografinya yang berhampiran wilayah Cochinchina (Vietnam). Meskipun dokumen-dokumen kuno sebagai 'supportive' ada menyebutkan tentang kegiatan tradisional Dinasti Le dan Dinasti Nguyen ke atas LCS, tindakan ini hanya tertumpu ke atas kawasan Kepulauan Paracel sahaja.

Selain itu, peta bersejarah yang popular dipamerkan seperti An Nam Dai Quoc Hoa Do (1838) hanyalah terbatas sebagai sebuah peta tradisional yang diplotkan oleh ahli kartografi Barat menggunakan tiga bahasa yakni bahasa Cina, Vietnam dan Latin dan hanya memplotkan Kepulauan Paracel di LCS. Hakikatnya, terdapat puluhan atau ratusan peta-peta lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan peta bersejarah Vietnam ini. Dalam masa yang sama, tidak ditemui bentuk peta tradisional atau purba yang diplotkan sendiri oleh Dinasti purba Vietnam kecuali dalam bentuk lakaran atau ilustrasi. Vietnam lebih banyak menggunakan peta yang dihasilkan oleh Barat dalam mengukuhkan serta merekonstruksi semula peta wilayah modenya tanpa mempunyai sumber sejarah yang kukuh khususnya melalui elemen peta tradisional atau kartografi lama. Analisis ke atas keseluruhan koleksi peta dari ketiga-tiga muzium mendapati bahawa peta tradisional Vietnam tidak pernah memplotkan Kepulauan Spratly sebagai sebahagian wilayah sejarah Vietnam. Pemplotan hanya tertumpu kepada Kepulauan Paracel, manakala Kepulauan Spratly hanya muncul dalam naratif moden pasca 1975. Oleh itu, hubungan Kepulauan Spratly dalam pemetaan Vietnam merupakan sebahagian daripada konstruksi kartografi kontemporari yang muncul selepas 1975, bukannya warisan kartografi sejarah Vietnam. Penemuan ini penting kerana mampu menjelaskan batasan bukti sejarah Vietnam dalam tuntutan wilayah maritim di LCS.

Kesimpulan

Kesedaran mengenai 'ruang' wilayah daratan dan maritim Vietnam menunjukkan peningkatan ketara selepas tempoh Perang Dunia Kedua, seiring dengan perubahan struktur politik, migrasi kuasa kolonial dan kebangkitan negara Vietnam moden. Pengaruh pemetaan kolonial Perancis sebelum 1954 telah memberikan kerangka baharu terhadap cara wilayah-wilayah maritim direkodkan, namun pemplotan Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly dalam peta moden Vietnam kekal tidak konsisten antara tahun 1945 hingga 1975. Faktor pemisahan Vietnam kepada dua entiti politik semasa Perang Dingin turut menyumbang kepada kekaburan genealoginya, khususnya apabila republik di Selatan tidak memasukkan kedua-dua gugusan tersebut secara konsisten dalam persembahan kartografinya.

Konsistensi baharu terhadap simbolik ruang maritim hanya muncul selepas penyatuan Vietnam pada tahun 1975 melalui kerajaan Sosialis Vietnam. Sejak itu, kerajaan bersama pertubuhan masyarakat sivil, ahli akademik dan penyelidik tempatan mula menggerakkan usaha sistematik untuk mengumpul, memulihara dan

mendigitalkan peta tradisional serta kartografi kolonial bagi membina naratif sejarah kedaulatan yang lebih tersusun. Institusi permuziuman seperti Rumah Pameran Hoàng Sa di Da Nang, Galeri Trường Sa di Johnson South Reef, dan Muzium Oceanografi Nha Trang memainkan peranan penting sebagai medium yang memvisualisasikan hubungan sejarah Vietnam dengan wilayah maritim di LCS. Pameran peta ini, yang merangkumi peta Dinasti Nguyen, peta Barat era kolonial, peta tempatan dan peta China, menampilkan gambaran perbandingan yang mengukuhkan naratif bahawa Vietnam memiliki hubungan sejarah-pentadbiran yang lebih konsisten dengan kepulauan tersebut berbanding negara lain.

Walaupun penggunaan peta dalam muzium tidak secara langsung menyelesaikan kompleksiti pertikaian LCS, strategi visual ini telah membolehkan Vietnam mengambil langkah proaktif dalam membentuk memori kolektif dan mengukuhkan patriotisme rakyat terhadap isu maritim. Melalui pameran yang menonjolkan kesinambungan sejarah dan kelemahan naratif pihak lawan, muzium-muzium ini berperanan sebagai mekanisme kesedaran maritim yang penting dalam perjuangan diplomatik dan identiti nasional Vietnam. Kajian lanjutan mengenai keberkesanan pameran kartografi ini perlu diteruskan bagi menilai potensi pengaruhnya terhadap pemahaman awam, dasar luar, serta risiko berlakunya 'pemutaran' atau penyimpangan sumber sejarah dalam konteks geopolitik yang semakin tegang. Dengan itu, koleksi peta LCS dalam muzium Vietnam bukan sahaja berfungsi sebagai artifak budaya, tetapi juga sebagai instrumen strategik dalam mengekalkan legitimasi dan daya tahan negara di pentas serantau.

Rujukan

- Hayton, B. (2019). *The South China Sea: The struggle for power in Asia*. Yale University Press.
- Sasges, G. (2016). Absent maps, marine science, and the reimagination of the South China Sea, 1922–1939. *The Journal of Asian Studies*. 75(1), 157–180. <https://doi.org/10.1017/S0021911815001564>
- Griffin, C. C. (2013). Vietnam's South China Sea territorial disputes: A path to resolution. *Naval War College Paper*. Newport, RI: U.S. Naval War College
- Lye, L. F., & Ha, H. H. (2018). Vietnam's responses to China's maritime assertiveness in the South China Sea. *ISEAS Perspective*. No. 50.
- Nguyen, H. T. (2014). China's "historical evidence": Vietnam's position on South China Sea. *RSIS Commentary*. 170. <https://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2014/08/CO14170.pdf>
- Phan, W. T. N. M. (2018). Vietnamese position regarding China's South China Sea policy of "set aside dispute and pursue joint development." In *Proceedings of the Airlangga Conference on International Relations*. <https://www.scitepress.org/Papers/2018/102751/102751.pdf>

- Trần, Đ. A. S. (2024). Sovereignty and the struggle to protect the sovereignty of Vietnam at the Hoàng Sa archipelago in history. Paper presented at Warsaw University.
https://www.researchgate.net/publication/381707654_Sovereignty_and_the_struggle_to_protect_the_sovereignty_of_Vietnam_at_the_Hoang_Sa_archipelago_in_history
- Trần, Đ. A. S. (2024). Ancient documents and maps proving Vietnam's sovereignty over the Hoàng Sa and Trường Sa archipelagos. Dong A University.
https://www.researchgate.net/publication/381707599_Ancient_documents_and_maps_proving_Vietnam's_sovereignty_over_the_Hoang_Sa_and_Trung_Sa_archipelagos